



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PENCAPAIAN KUALITI DALAM PENULISAN  
KARANGAN MOD EKSPOSISI BERDASARKAN  
PENDEKATAN KONTEKSTUAL**

**SRI INDRAWATI**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEH IJAZAH DOKTOR FALSAFAH  
(PENGAJIAN WACANA)**

**FAKULTAS BAHASA DAN KOMUNIKASI  
UNIVERSITAS PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2017**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengkaji pencapaian kualiti penulisan karangan mod eksposisi oleh pelajar berdasarkan Pendekatan Kontekstual. Reka bentuk kajian ialah kuantitatif dan kualitatif. Kajian kuantitatif menggunakan kaedah kuasi eksperimen, manakala kualitatif menggunakan kaedah analisis karangan. Kaedah kuasi eksperimen digunakan bagi mengukur pencapaian penulisan karangan pelajar, manakala kaedah analisis karangan digunakan untuk menentukan kualiti karangan. Sampel kajian ialah pelajar tingkatan sepuluh Sekolah Menengah Atas Negeri 7 Palembang. Seramai 108 orang pelajar menjadi sampel kajian yang terdiri daripada 36 orang pelajar bagi kumpulan Pendekatan Kontekstual, 36 orang pelajar bagi kumpulan Pendekatan Induktif dan 36 orang pelajar bagi kumpulan Pendekatan Deduktif. Instrumen kajian ialah satu set soalan ujian karangan pra dan pasca serta senarai semak karangan. Ujian ANOVA Dua Hala digunakan untuk menganalisis pencapaian penulisan karangan. Kualiti karangan pula dianalisis menerusi pendekatan tematik. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan pencapaian dalam penulisan karangan eksposisi bagi pelajar yang didedahkan dengan Pendekatan Kontekstual berbanding Pendekatan Induktif dan Deduktif. Pencapaian penulisan karangan pelajar yang didedahkan dengan Pendekatan Kontekstual lebih baik daripada Induktif dan Deduktif. Selain itu, kualiti penulisan pelajar berdasarkan isi, struktur dan bahasa adalah signifikan dari asepk jantina. Dapatan kajian ini secara langsung menunjukkan bahawa Pendekatan Kontekstual memberikan kesan positif terhadap pencapaian penulisan karangan pelajar. Pendekatan Kontekstual sesuai digunakan dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan di sekolah menengah atas awam yang lain. Implikasi kajian ini ialah Pendekatan Kontekstual memberikan impak yang tinggi untuk peningkatan pencapaian dan kualiti karangan pelajar.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

v

## QUALITY ACHIEVEMENT OF EXPOSITION WRITING MODE BASED ON CONTEXTUAL APPROACH

### ABSTRACT

The study aims to investigate the quality achievement of exposition writing mode based on contextual approach. The research employed the mixed method approach. A quasi-experimental method was used to collect quantitative data while an essay analysis method was used to collect qualitative data. The sample of the study was tenth grade students from Upper School 7 in the state of Palembang. One hundred and eight students were assigned to become samples, consisting thirty-six students for contextual, inductive, and deductive group. The instrument consists of pre and post essay writing test with essay rubrics. Two Way ANOVA was used to analyse essay writing achievement. The essay quality was analysed by using thematic approach. The result showed that there was a significant difference in exposition writing achievement of the students from contextual group compared with inductive and deductive group. The students' writing achievement that was taught by using Contextual Approach was better than inductive and deductive. On the other hand, the writing quality which was based on content, structure, and language of female students was better than the males. The results of the finding directly showed that the Contextual Approach gave a positive effect towards student achievement on writing. The writing achievement was studied from the gender aspect which showed significant difference. Contextual Approach is suitable to be used in teaching and learning of essay writing in other public secondary schools. This study implicated that the Contextual Approach gave a high impact on improving students' achievement as well as the quality of their essays.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

vi

## KANDUNGAN

### Muka Surat

<b>PERAKUAN</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>ABSTRAK</b>	iv
<b>ABSTRACT</b>	v
<b>KANDUNGAN</b>	vi
<b>SENARAI JADUAL</b>	xiii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiv
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xv
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xvi
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	8
1.4 Objektif Kajian	11
1.5 Soalan Kajian	12
1.6 Hipotesis	12
1.7 Kerangka Konseptual Kajian	13
1.8 Kepentingan Kajian	16



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

iv



1.9	Batasan Kajian	22
1.10	Definisi Operasional	24

## BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	42
2.2	Teori Pengajaran dan Pembelajaran	42
2.3	Teori Belajar Konstruktivisme	46
2.4	Pendekatan Kontekstual dalam Pengajaran dan Pembelajaran	54
2.5	Penulisan Karangan dalam Kurikulum 2013	60
2.6	Karangan Eksposisi	69
2.7	Kajian Lepas Berkaitan Pendekatan Kontekstual dan Jantina	72



3.1	Pengenalan	89
3.2	Reka Bentuk Kajian	90
3.2.1	Fasa 1 Eksperimen	90
3.2.2	Fasa 2 Analisis Karangan	94
3.3	Sampel Kajian dan Lokasi Kajian	96
3.4	Sumber Gangguan Kesahan Dalaman	98
3.4.1	Sejarah	100
3.4.2	Kematangan	101
3.4.3	Ujian	101
3.4.4	Alat Ukur	103
3.4.5	Mortaliti	103





3.4.6	Perbezaan dalam Pemilihan Subjek	103
3.4.7	Gangguan Statistik	104
3.4.8	Pemilihan dalam Hubungan Kematangan	104
3.4.9	Pelaksana	105
3.4.10	Lokasi	105
3.5	Sumber Gangguan Kesahan Luaran	106
3.5.1	Interaksi Tatacara dan Rawatan	106
3.5.2	Interaksi antara Sejarah Peristiwa dan Rawatan	106
3.6	Instrumen Kajian	109
3.6.1	Senarai Semak Karangan Pelajar	110
3.6.2	Ujian Pra	113



3.6.3	Ujian Pasca	114
3.7.4	Kesahan Instrumen	115
3.7.5	Kebolehpercayaan	115
3.7	Kajian Rintis	116
3.8	Prosedur Pengumpulan Data	122
3.9	Penganalisisan Data	126

#### BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	132
4.2	Demografi Responden	134
4.3	Skor Skor Min Ujian Pra dan Pasca Pencapaian Penulisan Bagi pelajar yang Didedahkan dengan Pendekatan Induktif, Deduktif dan Kontekstual Mengikut Jantina	134





4.4	Kualiti Isi, Struktur Karangan dan Bahasa dalam Pencapaian Penulisan Karangan Eksposisi Bagi Pelajar Sebelum dan Selepas Didedahkan dengan Pendekatan Kontekstual Mengikut Kategori Cemerlang, Baik, Sederhana dan Lemah	137
4.4.1	Kualiti Karangan Berpandungan Isi Sebelum Didedahkan dengan Pendekatan Kontekstual	138
4.4.1.1	Kualiti Isi Karangan Pelajar Berpandukan Idea, Huraian dan Fakta	138
4.4.2	Kualiti Struktur Karangan Pelajar Sebelum Didedahkan dengan Pendekatan Kontekstual	144
4.4.2.1	Kualiti Struktur Karangan Pelajar Berpandukan Penalaran Logik, Penataan Perenggan dan Pemerengganan	146
4.4.3	Kualiti Penggunaan Bahasa dalam Karangan Pelajar Sebelum Didedahkan dengan Pendekatan Kontekstual	154
4.4.3.1	Kualiti Penggunaan Bahasa Berpandukan Kosakata, Ayat, dan Ejaan	154
4.4.4	Kualiti Isi Karangan Pelajar Selepas Didedahkan dengan Pendekatan Kontekstual	160
4.4.4.1	Kualiti Isi Karangan Pelajar Berpandukan Idea, Huraian dan Fakta	160
4.4.5	Kualiti Struktur Karangan Pelajar Setelah Didedahkan dengan Pendekatan Kontekstual	173
4.4.5.1	Kualiti Struktur Karangan Berpandukan Logik, Penataan Perenggan dan Pemerengganan	173
4.4.6	Kualiti Bahasa dalam Karangan Pelajar Selepas Didedahkan Dengan Pendekatan Kontekstual	184
4.4.6.1	Kualiti Penggunaan Bahasa Berpandukan Kosakata, Ayat dan Ejaan	184





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

x

4.5	Kualiti Isi, Struktur Karangan dan Bahasa dalam Pencapaian Penulisan Karangan Eksposisi Bagi Pelajar Sebelum dan Selepas Didedahkan dengan Pendekatan Induktif Mengikut Kategori Cemerlang, Baik, Sederhana dan Lemah	200
4.5.1	Kualiti Karangan Berpandukan Isi Sebelum Didedahkan dengan Pendekatan Induktif	201
4.5.1.1	Kualiti Isi Karangan Pelajar Berpandukan Idea, Huraian Kandungan Isi dan Fakta	201
4.5.2	Kualiti Struktur Karangan Pelajar Sebelum Didedahkan Dengan Pendekatan Induktif	205
4.5.2.1	Kualiti Struktur Karangan Berpandukan Logik, Penataan Perenggan dan Pemerenggan	205
4.5.3	Kualiti Bahasa dalam Karangan Pelajar Sebelum Didedahkan dengan Pendekatan Induktif	211
4.5.3.1	Kualiti Penggunaan Bahasa Berpandukan Kosakata, Ayat, dan Ejaan	211
4.5.4	Kualiti Isi Karangan Pelajar Selepas Didedahkan dengan Pendekatan Induktif	216
4.5.4.1	Kualiti Isi Karangan Pelajar Berpandukan Idea, Huraian dan Fakta	216
4.5.5	Kualiti Struktur Karangan Pelajar Selepas Didedahkan Dengan Pendekatan Induktif	227
4.5.5.1	Kualiti Struktur Karangan Berpandukan Logik, Huraian, Penataan Perenggan dan Pemerenggan	228
4.5.6	Kualiti Bahasa dalam Karangan Pelajar Selepas Didedahkan Dengan Pendekatan Induktif	238
4.5.6.1	Kualiti Penggunaan Bahasa Berpandukan Kosakata, Ayat, dan Ejaan	239



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



4.6	Kualiti Isi, Struktur Karangan dan Bahasa dalam Pencapaian Penulisan Karangan Eksposisi Bagi Pelajar Sebelum dan Selepas Didedahkan Dengan Pendekatan Deduktif Mengikut Kategori Cemerlang, Baik, Sederhana dan Lemah	246
4.6.1	Kualiti Karangan Berpandungan Isi Sebelum Didedahkan dengan Pendekatan Deduktif	246
4.6.1.1	Kualiti Isi Karangan Berpandukan Isi Karangan Pelajar Berpandukan Idea, Huraian dan Fakta	246
4.6.2	Kualiti Struktur Karangan Pelajar Sebelum Didedahkan Dengan Pendekatan Deduktif	252
4.6.2.1	Kualiti Struktur Karangan Berpandukan Logik, Penataan Perenggan dan Pemerenggan	252
4.6.3	Kualiti Bahasa dalam Karangan Pelajar Sebelum Didedahkan dengan Pendekatan Deduktif	258
4.6.3.1	Kualiti Penggunaan Bahasa Berpandukan Kosakata, Ayat dan Ejaan	258
4.6.4	Kualiti Karangan Berpandungan Isi Selepas Didedahkan dengan Pendekatan Deduktif	259
4.6.4.1	Kualiti Isi Karangan Berpandukan Isi Karangan Pelajar Berpandukan Idea, Huraian dan Fakta	260
4.6.5	Kualiti Struktur Karangan Pelajar Selepas Didedahkan dengan Pendekatan Deduktif	263
4.6.5.1	Kualiti Struktur Karangan Berpandukan Logik, Penataan Perenggan dan Pemerenggan	263
4.6.6	Kualiti Bahasa dalam Karangan Pelajar Selepas Didedahkan dengan Pendekatan Deduktif	266
4.6.6.1	Kualiti Penggunaan Bahasa Kosakata, Ayat dan Ejaan	266





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

xii

## BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	274
5.2	Rumusan	275
5.3	Perbincangan	275
5.4	Implikasi Kajian	285
5.5	Cadangan	288
	<b>RUJUKAN</b>	290
	<b>LAMPIRAN</b>	



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
xiii

## SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat	
2.1	Tahapan-tahapan Perkembangan Kognitif	48
2.2	Skema Penilaian Kemahiran Penulisan	66
3.1	Bilangan Pelajar Tingkatan 10 SMAN 7 sebagai Sampel	97
3.2	Sumber Gangguan Kesahan Dalaman dan Luaran Ujian Pra dan Pasca	100
3.3	Senarai Kawalan Gangguan	107
3.4	Kualiti Penulisan Karangan	111
3.5	Agihan Waktu Pengajaran Penulisan Karangan	119
3.6	Penyelarasan Sebelum, Semasa dan Selepas Pengajaran	124
3.7	Analisis Data: Pengkodan Data Kulitatif (Kod Verbatim)	128
3.8	Analisis Domain Pengkodan Data	129
3.9	Analisis Data	131
4.1	Taburan Responden Mengikut Kumpulan	134
4.2	Skor Min Ujian Pra dan Pasca Mengikut Jantina dan Pendekatan	135
4.3	Homogeniti Ujian Pasca	136
4.4	Pencapaian Penulisan Karangan bagi Kumpulan Pendekatan Induktif, Dduktif dan Kontekstual	137



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
xiv

## SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konseptual Kajian	14
1.2 Model Rancangan Pendekatan Knaksual dalam Aktiviti Penulisan	28
1.3 Aktiviti <i>Relating</i> dalam Penulisan Isi karangan, Struktur Karangan dan Bahasa	30
1.4 Aktiviti <i>Experiencing</i> dalam Penulisan Karangan, Struktur Karangan dan Bahasa	32
1.5 Aktiviti <i>Applying</i> dalam Penulisan Karangan, Struktur Karangan dan Bahasa	34
1.6 Aktiviti <i>Cooperative</i> dalam Penulisan Karangan, Struktur Karangan dan Bahasa	36
1.7 Aktiviti <i>Transfering</i> dalam Penulisan Karangan, Struktur Karangan dan Bahasa	38
3.1 Kaedah Eksperimen Untuk Menguji Pencapaian Pelajar	85
3.2 Kaedah Analisis Karangan	88
3.3 Tahapan Pengekodan Karangan Pelajar	121



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

XV

## SENARAI LAMPIRAN

A	Rancangan Pengajaran Harian	301
B	Hasil Analisis Data SPSS Anova dan Cohens Kaffa	351
C	Instrumen Tes Kemahiran Penulisan Ujian Pra dan Pasca	363
D	Skema Penilaian Penulisan	365
E	Senarai Kod Verbatim	371
F	Surat Kesahaan Instrumen	387
G	Surat Izin Penelitian	395
H	Data Karangan Pelajar	400



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

400



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

XV



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

xvi

## SENARAI SINGKATAN

SISDIKNAS	Sistem Pendidikan Nasional
Permendikbud	Peraturan Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan
UN	Ujian Nasional
SMA	Sekolah Menengah Atas
KBK	Kurikulum Berbasis Kompetensi
KTSP	Kurikulum Satuan Pendidikan
RPH	Rancangan Pengajaran Harian
Dikbud	Dinas Pendidikan dan Kebudayaan
PKG	Pusat Kegiatan Guru
MGMP	Musyawaah Guru Mata Pelajaran
MKS	Musyawarah kepala sekolah
LPTK	Lembaga Pendidikan Tenaga Kependidikan
SMA	Sekolah Menengah Atas
Depdiknas	Departemen Pendidikan Nasional
Dirjen Didksmen	Direktur Jendral Pendidikan Dasar dan Menengah
RPHK	Rancangan Pengajaran Harian berdasarkan Pendekatan Kontekstual
RPHI	Rancangan Pengajaran Harian berdasarkan Pendekatan Induktif



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

xvii

## Rancangan Pengajaran Harian berdasarkan Pendekatan Deduktif

KI	Kumpulan Induktif
KD	Kumpulan Deduktif
KK	Kumpulan Kontesktual
IC	Isi karangan cemerlang
IB	Isi karangan baik
IS	Isi karangan sederhana
IL	Isi karangan lemah
SC	Struktur karangan cemerlang
SB	Struktur karangan baik
SS	Struktur karangan sederhana
SL	Struktur arangan lemah
BC	Bahasa cemerlang
BB	Bahasa baik
BS	Bahasa sederhana
BL	Bahasa lemah



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## BAB 1

### PENGENALAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

#### 1.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian, hipotesis kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, dan definisi operasional. Latar belakang kajian mengandungi isu-isu pendidikan di dalam bilik darjah, pedagogi dan pentaksiran atau penilaian di sekolah.

Pelbagai permasalahan dikesan dalam meningkatkan kualiti pendidikan. Secara amnya, permasalahan pembangunan pendidikan kebangsaan yang wujud, antaranya ialah



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



masih rendah kualiti proses dan hasil pendidikan. Permasalahan kualiti pendidikan tidak berdiri sendiri, tetapi berkait dalam satu sistem yang saling berpengaruh. Salah satu faktor yang mempengaruhi kualiti pendidikan ialah kualiti proses pembelajaran. Menurut Departemen Pendidikan Nasional (2007), komponen yang mempengaruhi kualiti proses ialah kemudahan pembelajaran yang masih belum ada dan optimum penggunaannya serta proses pengajaran dan pembelajaran yang kurang berkesan.

Dalam proses pendidikan, banyak faktor yang mempengaruhi keberhasilan pembelajaran. Salah satu faktor yang sangat penting ialah guru. Hal ini demikian kerana guru yang membuat segala dasar di dalam bilik darjah termasuk perancangan cara mengamalkan kurikulum. Di dalam bilik darjah, pengetahuan, pengalaman serta paradigma yang dikuasai oleh guru turut menentukan apa-apa yang terjadi dalam proses belajar dan mengajar. Oleh itu, cara pembelajaran pelajar bergantung pada kemampuan guru mengajar. Kemampuan guru untuk mencetuskan situasi pembelajaran, penilaian pembelajaran, dan penggunaan pelbagai pendekatan pembelajaran adalah penting untuk meningkatkan kualiti dan pencapaian.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Pendidikan yang baik boleh memajukan kehidupan sesuatu bangsa. Kemajuan tersebut merupakan cerminan hasil pendidikan warganegaranya. Oleh itu, perubahan dalam bidang pendidikan sepatutnya sudah dilakukan. Hal ini dilakukan supaya tujuan daripada pendidikan nasional yang dinyatakan dalam Fasal 3 Undang-Undang Nombor 20 tentang Sistem Pendidikan Nasional (2003) dapat dipatuhi. Tujuan pendidikan nasional tersebut adalah untuk mengembangkan kemampuan dan membentuk watak serta peradaban bangsa yang bermartabat dalam memajukan





kehidupan bangsa. Hal ini bertujuan untuk mengembangkan potensi pelajar agar menjadi manusia yang beriman dan bertakwa kepada Tuhan Yang Maha Esa, berakhlek mulia, berilmu, sihat, cekap, mandiri, kreatif, menjadi warganegara yang demokratik serta bertanggungjawab.

Keupayaan untuk mencapai tujuan pendidikan kebangsaan seperti yang terangkum dalam Sistem Pendidikan Nasional atau SISDIKNAS perlu dilaksanakan dalam sistem pendidikan di sekolah. Hal ini disebabkan perubahan sistem pendidikan akan memberi sokongan terhadap peningkatan kualiti pendidikan. Kualiti pendidikan kebangsaan akan memberikan dampak terhadap kemajuan sesuatu bangsa. Oleh itu, kajian mengenai kualiti pendidikan wajar dilakukan.



pembaharuan dalam bidang pengajaran dan pembelajaran. Semua komponen pendidikan, antaranya kurikulum, ketersediaan pendidik, sarana-prasarana, dan pembiayaan turut mempengaruhi peningkatan mutu pendidikan. Semua komponen tersebut saling berhubung kait antara satu sama lain. Apabila salah satu daripada komponen itu mengalami kegagalan, kualiti pendidikan kebangsaan tidak akan tercapai.

Kualiti pendidikan kebangsaan perlu digubal dalam rangka membina generasi dan bangsa. Apalagi dalam menyongsong Abad ke-21 ini, pelajar perlu dibekalkan dengan penguasaan kompetensi. Oleh itu, dalam proses pembelajaran di bilik darjah perlu adanya pembaharuan. Kandungan dalam pembelajaran tidak hanya berfokus pada





kompetensi pengetahuan, tetapi perlu juga kompetensi terhadap sikap dan kemahiran sehingga dapat membentuk sumber daya manusia yang berkualiti.

Daripada beberapa isu sistem pendidikan di Indonesia, komponen guru merupakan salah satu faktor yang turut diambil perhatian dalam meningkatkan kualiti pendidikan. Guru berperanan sebagai penyampai ilmu pengetahuan kepada pelajar. Menurut kebanyakan pakar, tidak akan ada perubahan atau peningkatan kualiti tanpa adanya perubahan dan peningkatan kualiti guru di sekolah (Permendikbud, 22, 2016). Hal yang sama dikemukakan oleh Uus Roswenda (2011) bahawa guru merupakan faktor yang penting dalam menyokong keberhasilan proses pembelajaran. Seterusnya, Hamka Lodang, et al. (2013) mengemukakan bahawa kualiti pendidikan di Indonesia belum tercapai secara maksimal, selain faktor sarana dan fasiliti yang kurang, faktor



pendidikan formal. Guru berperanan sebagai pelaku pembelajaran di bilik darjah yang akan menjalankan proses pendidikan.

Dewasa ini, terjadi perubahan paradigma pembelajaran di sekolah. Hal ini demikian kerana tuntutan pembelajaran, kemajuan ilmu pengetahuan dan teknologi. Pendekatan pembelajaran di sekolah telah mengalami perubahan. Daripada pendekatan pembelajaran yang berpusat kepada guru berubah menjadi pendekatan pembelajaran yang berpusat kepada pelajar. Guru di sekolah bukan lagi satu-satunya sumber ilmu pengetahuan, tetapi bahagian integrasi dalam sistem pendidikan. Paradigma belajar bermula daripada behavioristik, kognitivistik, menuju konstruktivistik (Subekti, 2010).





Di sekolah sistem pembelajaran yang menggunakan pendekatan behavioristik, penyampaian kandungan dalam pembelajaran banyak dilakukan secara sehala sahaja iaitu guru–pelajar dan berlangsung secara berterusan. Proses pembelajaran yang demikian akan cepat membosankan dan melemahkan aktiviti. Pelajar sangat bergantung pada guru dalam melakukan aktiviti belajar. Pembelajaran secara pengulangan akan memberikan dampak penurunan pencapaian (Syaiful Sagala, 2011).

Pembaharuan dalam proses pembelajaran perlu dilakukan. Selama ini pembelajaran di dalam bilik darjah masih ramai guru yang menggunakan pendekatan konvensional dan tidak mengkondisikan pelajar untuk aktif dalam proses pembelajaran. Pelajar hanya mendengar dan mencatat sesuatu yang dituturkan oleh guru sahaja serta pasif menerima ilmu yang diberi. Oleh itu, perlu dilakukan pembaharuan di dalam



Sejajar dengan perkembangan teori belajar, pendekatan pembelajaran dalam proses belajar-mengajar beralih daripada behavioristik kepada pendekatan kontstruktivistik. Dalam pendekatan konstruktivistik, sistem pembelajaran tertumpu kepada cara pelajar memperoleh informasi dan pengetahuan melalui menyusun, menyimpan serta mencari hubungan pengetahuan baru dengan pengetahuan yang sedia ada. Pembelajaran menggunakan pendekatan konstruktif memungkinkan pelajar lebih aktif sehingga terjadi interaksi antara guru dan pelajar, pelajar dan guru, serta pelajar dan pelajar.

Beberapa pemikiran yang memerlukan perubahan paradigma baru dalam pembelajaran di dalam bilik darjah ialah: (i) penetapan empat karakteristik UNESCO,





iaitu belajar untuk mengetahui, belajar untuk melakukan, belajar untuk menjadi dan belajar untuk hidup bersama; (ii) pembelajaran berpusat kepada pelajar; perubahan kurikulum daripada berasaskan kandungannya kepada kurikulum berasaskan kompetensi; (iii) perubahan teori pembelajaran daripada behavioristik kepada konstruktif; (iv) perubahan pendekatan pembelajaran daripada konvensional menuju yang konstruktif (Luh Sritaman et al., 2014).

Berkait dengan pembaharuan proses pembelajaran di sekolah, dalam pembelajaran bahasa Indonesia pun mengalami pembaharuan. Dalam Peraturan Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan (Permendikbud) Nombor 103 pada tahun 2014, dijelaskan bahawa pendekatan dalam pembelajaran bahasa Indonesia dilakukan dengan menggunakan pendekatan yang berasaskan aktiviti dan ciri: (i) interaktif dan aspirasi; (ii) menyenangkan, mencabar dan memotivasi pelajar untuk mengambil bahagian dalam pembelajaran; (iii) kontekstual dan kolaboratif; (iv) memberikan peluang yang cukup bagi pelajar untuk berinisiatif dan berkreativiti.

Dalam mencapai kualiti pendidikan yang cemerlang, kandungan yang terdapat dalam kurikulum pun perlu digubal. Hal ini dilakukan supaya memenuhi hasrat falsafah pendidikan nasional, iaitu membentuk warganegara yang beriman, berakhhlak mulia, sihat, cekap, kreatif, mandiri, bertanggung jawab, dan demokrasi. Dalam Kurikulum 2013 bagi mata pelajaran bahasa Indonesia, dinyatakan bahawa kandungannya lebih berfokus pada kemahiran berbahasa. Kompetensi yang biasa pada mata pelajaran bahasa Indonesia ialah penguasaan penulisan karangan dalam pelbagai jenis wacana. Kandungan mata pelajaran bahasa Indonesia untuk SMA bertujuan supaya pelajar dapat mengemukakan gagasan dan fikiran, menemu dan menggunakan





kemampuan analisis dan imaginasi secara efektif, kreatif, kritis, dan komunikatif (Permendikbud, 21, 2016).

Persoalan yang sangat penting diperhatikan dalam peningkatan kualiti pembelajaran pula ialah penilaian. Penilaian hasil pembelajaran dapat diperoleh melalui peperiksaaan yang dilaksanakan oleh guru dan pemerintah. Peperiksaan oleh guru bertujuan untuk mengukur pencapaian kandungan yang telah dicapai oleh pelajar dan membina proses pembelajaran di dalam bilik darjah. Peperiksaan yang dilakukan oleh pemerintah sering disebut sebagai peperiksaan kebangsaan (Ujian Nasional atau UN) bertujuan untuk memetakan kualiti sekolah dan memberikan pertimbangan untuk ujian masuk ke universiti (Permendikbud, 24, 2016).



tahun 2013, dapat disimpulkan bahawa pencapaian pelajar masih lemah. Nilai peperiksaan kebangsaan mata pelajaran bahasa Indonesia pada tahun 2013 tidak berbeza jauh dengan hasil peperiksaan kebangsaan tahun 2012. Nilai peperiksaan kebangsaan bagi mata pelajaran bahasa Indonesia pelajar Sekolah Menengah Atas (SMA) memiliki purata rendah berbanding dengan mata pelajaran yang lain, seperti Biologi, Matematik, atau Fizik (Litbang Kemendikbud, 2013). Walau bagaimanapun, kelemahan daripada peperiksaan kebangsaan ini ialah penilaiananya yang lebih berfokus kepada aspek kognitif berbanding aspek kemahiran.

Oleh itu, penguasaan bahasa Indonesia perlu digalakkan dengan melakukan proses pembelajaran di dalam bilik darjah supaya pencapaian dapat meningkat. Proses





pembelajaran perlu dibina melalui pembelajaran yang aktif dengan menggunakan pendekatan pembelajaran yang menggalakkan pelajar untuk belajar. Menurut Zainab (2015), pembelajaran bahasa Indonesia dilaksanakan dengan mengacu kepada prinsip: (i) berpusatkan pelajar; (ii) pelajar sebagai subjek pendidikan; (iii) penguasaan pengetahuan tidak bersifat mekanis, tetapi memerlukan kreativiti; (iv) kandungan mata pelajaran disesuaikan dengan perkembangan, pengalaman dan pengetahuan pelajar. Selain itu, penilaian dalam pembelajaran bahasa Indonesia lebih memfokuskan peperiksaan kemahiran. Menurut Ali Saukah dan Agus Cahyono (2015), peperiksaan yang hanya melibatkan aspek kognitif, kurang memerhatikan aspek kemahiran menunjukkan proses pembelajaran yang berpusat pada guru.

### 1.3 Pernyataan Masalah



Kajian terhadap kemahiran berbahasa yang paling rumit ialah penulisan. Penulisan sangat sukar dikuasai oleh pelajar daripada aspek berbahasa yang lain seperti membaca dan bertutur. Hal ini demikian kerana dalam penulisan memerlukan kemampuan kognitif dan linguistik supaya dapat melakukan gagasan. Selain itu, sokongan guru yang mengajar juga adalah perlu dalam meningkatkan penguasaan penulisan. Pendekatan pengajaran yang masih tradisional dilakukan oleh guru di dalam bilik darjah banyak memaparkan kelemahan dalam pencapaian penulisan. Abdul Rasyid Jamian (2011), Che Zanariah Che Hassan dan Fadzilah Abd Rahman (2011), Mohd Fadzli Ismail dan Mohd Sukki Othman (2012), Cheng Pong Feng dan Rusdaini Mohamed (2013), Yahya Othman dan Dk. Suzanawaty Pg. Osman (2014) dan Ramli (2014) mengemukakan bahawa kelemahan daripada penggunaan pendekatan





pengajaran yang tidak sesuai turut mengekang keseluruhan pencapaian penulisan pelajar.

Walaupun terdapat banyak kajian yang dijalankan tentang pendekatan kontekstual dalam penulisan, namun kajian mengenai aspek penulisan karangan eksposisi adalah terhad. Kajian yang dibuat oleh Intan Satriani et al. (2012) ialah penerapan Pendekatan Kontekstual dalam penulisan teks *recount* yang diselaraskan daripada mata pelajaran bahasa Inggeris. Seterusnya, Lalu Suparman et al. (2014) mengkaji Pendekatan Kontestual dalam penulisan esei bagi pelajar tingkatan sepuluh dalam mata pelajaran bahasa Inggeris. Kajian lain dilakukan oleh I Km Heriasa et al. (2014) yang mengkaji Pendekatan Kontekstual dalam penulisan karangan deskripsi bagi pelajar tingkatan lima. Daripada ketiga-tiga kajian tersebut, jelas dilihat masih



secara lebih jelas.

Kajian pencapaian penulisan yang berkualiti cemerlang, baik, sederhana dan lemah juga belum mempunyai kajian yang khas. Beberapa kajian terdahulu hanya mengkaji pencapaian penulisan secara umum. Nur Endah Ariningsih (2012) mengkaji penulisan eksposisi pelajar tingkatan sepuluh dengan saiz sampel seramai 54 orang. Dapatan kajiannya menyimpulkan bahawa terdapat kesalahan penulisan iaitu 54 % ejaan dan tanda baca, 20 % diksi, 20 % ayat yang kurang terstruktur, dan 15 % pemerenggan. Kajian lain juga dilakukan oleh Susilorini Tuningsih (2014) yang mengkaji penulisan esei pelajar universiti. Kajian menggunakan kaedah kajian tindakan. Dapatan kajian menyimpulkan bahawa penulisan karangan esei pelajar ialah 79% kandungan sesuai dengan topik, 65 % pengembangan perenggan sudah baik, 60

